

unm/6448 /um/27.06.2005 /p. 14(x)

Mayat Shahril dibawa keluar guna helikopter Jabatan Bomba

um 27/6/05 14:4

GERIK 26 Jun — Mayat pegawai pengiring ekspedisi mendaki gunung dari Universiti Utara Malaysia (UUM), Shahril Othman, 26, berjaya dibawa keluar dari Gunung Chambah di sini, pada pukul 5.30 petang ini.

Timbalan Ketua Polis Daerah Hulu Perak, Deputy Supritendan Ismail Daraksa berkata, kerja-kerja mengeluarkan mayat Shahril dilakukan dengan menggunakan sebuah helikopter Unit Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat dari ibu negara.

Katanya, helikopter berkenaan berlepas pada pukul 9.40 pagi tadi dengan membawa 12 anggota termasuk dua juru pandu arah, berjaya mengangkat mayat Shahril dari tempat kejadian dengan menggunakan tali.

"Mayat mangsa telah dihantar ke hospital Gerik untuk bedah siasat sebelum dibenarkan dituntut untuk dikebumikan di kampungnya di Alor Star," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Sementara itu, Dekan Pembangunan Pelajar UUM, Dr. Ahmad Martadha Mohamed ketika ditemui berkata, mangsa memulakan ekspedisi pada 21 Jun lalu bersama tujuh pelajar UUM serta tiga orang juru pandu termasuk seorang juru pandu Orang Asli.

Katanya, mereka sepatutnya tiba serentak di tujuh puncak gunung pada pukul 10 pagi semalam bagi mencipta rekod menaik Jalur Gemilang serentak di tujuh

puncak gunung.

Ekspedisi yang diberi nama *G7 Explore* itu melibatkan 45 anggota telah berpecah untuk mendaki tujuh gunung di Semenanjung Malaysia iaitu Gunung Tahan, Korbu, Yong Belau, Gayung, Chambah, Ulu Sepat dan Yang Yop.

Dr. Ahmad Martadha berkata, kumpulan Shahril telah berpecah dua selepas dia didapati mengalami kesukaran bernafas dan batuk pada pukul 10 pagi 24 Jun sewaktu berhenti di Kem Peres.

Katanya, tujuh pelajar bersama juru pandu Orang Asli meneruskan perjalanan dan berjaya sampai ke kemuncak Gunung Chambah pada petang hari yang sama dan kumpulan ini tidak mengetahui bahawa mangsa telah menghembuskan nafas terakhirnya pada pukul 3.40 pagi.